

Headline	Jom Kurus 1Malaysia sedia bantu turun berat badan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	6	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	96 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,251
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,753



Jom Kurus 1Malaysia sedia bantu turun berat badan

SHAH ALAM 15 April - Pakar pemakanan terkenal, Kevin Zahri bersedia menawarkan program Jom Kurus 1Malaysia bagi membantu Norfaizah Mohammad Rashid, 31, mengurangkan berat badan.

Menurutnya, program tersebut ditawarkan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk cuba mengatasi masalah obesiti.

"Kami sedia menawarkan program Jom Kurus 1Malaysia kepada Norfaizah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahad lalu, Balai Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) meminjamkan sebuah lori untuk menghantar Norfaizah mendapatkan rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

Mengulas mengenai Jom Kurus 1Malaysia, Kevin memberitahu, program berkenaan adalah kesinambungan daripada program Jom Kurus yang dianjurkan pihaknya tahun lalu.

Sementara itu, seorang pensyarah di Jabatan Pemakanan dan Dietetik, Fakulti Sains dan Kesihatan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nazrul Hadi Ismail berkata, kajian mendapati kira-kira lima peratus kes obesiti di negara ini disebabkan faktor keturunan.

Baginya, obesiti merupakan penyebab utama kepada beberapa penyakit kronik seperti kencing manis, sakit jantung dan darah tinggi.

"Terdapat beberapa cara dan langkah yang dapat diambil oleh pesakit seperti mengubah gaya hidup ke arah lebih sihat dengan merajinkan bersenam dan kawal cara pemakanan," ujarnya.